

Pemerintah mungkin tambah geran padanan bagi 3 badan bantu diri

PEMERINTAH mungkin menambah jumlah dana yang diberinya kepada tiga badan bantu diri yang telah mengemukakan cadangan bagi meningkatkan usaha mereka membantu masyarakat.

Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik Lawrence Wong, memberitahu wartawan semalam bahawa Majlis Bantuan Pembangunan Masyarakat Cina (CDAC), Persatuan Pembangunan Masyarakat India Singapura (Sinda) dan Persatuan Serani (EA) sedang mencari cara-cara mengumpul lebih banyak dana bagi masyarakat masing-masing.

Ini termasuk meningkatkan kadar sumbangan kepada badan-badan itu melalui Tabung Simpanan Pekerja (CPF), iaitu caruman bulanan yang ditolak daripada akaun CPF.

Encik Wong menyatakan itu di luar sesi dialog masyarakat yang diadakan sempena lawatan beliau ke kawasan



ENCIK LAWRENCE WONG: Pemerintah dan masyarakat bekerja bersama-sama membantu individu.

undi Bukit Batok East, semalam.

Beliau dihoskan Anggota Parlimen GRC Jurong, Cik Halimah Yacob.

Kadar sumbangan melalui CPF itu berbeza bagi setiap kumpulan: Sumbangan bulanan minimum buat CDAC baru-baru ini dinaikkan kepada \$1, manakala Muslim yang menyumbang kepada Dana Pembinaan Masjid dan Menda-

ki boleh menderma sehingga \$16 bergantung pada gaji mereka.

“Jika masyarakat ini melakukan lebih, pemerintah, sebagai respons, akan komited untuk menyediakan lebih banyak dari segi geran sepadan,” kata Encik Wong.

Pemerintah menyediakan geran padanan bagi derma yang dikumpul sendiri badan bantu diri sehingga jumlah maksimum tahunan yang ditetapkan.

Tahun lalu, pemerintah menambah geran padanan untuk Yayasan Mendaki, Angkatan Karyawan Islam (AMP) dan badan-badan Melayu/Islam Organisasi daripada \$4 juta kepada \$5 juta mulai tahun kewangan ini.

Ini selepas pertubuhan-pertubuhan itu meningkat usaha membantu masyarakat.

Sinda kini menerima sehingga \$1.7 juta setahun, manakala EA mendapat tidak lebih \$200,000 setiap tahun.

Sebagai masyarakat majoriti dengan “lebih keupayaan

dan sumber untuk mengumpul dana dalam masyarakat sendiri”, CDAC tidak menerima geran tahunan.

Ia menerima geran sekali sahaja sebanyak \$10 juta untuk digunakan dari 1992 hingga 1997.

Encik Wong tidak boleh mendedahkan maklumat lanjut mengenai cadangan yang dikemukakan tiga badan bantu diri itu, tetapi percaya semuanya sedang menimbang melakukan sesuatu tahun ini.

“Apabila mereka memuktamadkan rancangan mereka dan mula melaksana rancangan baru itu, kami akan sebagai respons, bagi pihak pemerintah, menyediakan geran padanan lebih tinggi bagi membantu badan bantu diri itu.

“Ia selaras dengan falsafah kami bahawa pemerintah dan masyarakat bekerja bersama-sama membantu individu.” kata beliau.

**Saintis penyelidikan
'calon' PAP?**

— Muka 2